



KHAMIS, 21 DISEMBER, 2017

Metro **kl**assifieds

LANGGANI SEKARANG!

edisi digital



<http://subscription.nstp.com.my>

1300 22 6787

www.1k.com.my | 1300 808 123 (Tempatan) | +603 2299 6000 (Antarabangsa)

TIDAK mahu digelar skema, ada yang sanggup tahan mata yang kabur di depan rakan. Kini kanta lekap menjadi pilihan anak muda untuk ubah gaya. Beberapa tip boleh dicuba dalam artikel dikongsi SHUHADA MANSOR

KACA MATA BERGAYA



Beberapa tahun lalu sukar untuk kita dapatkan bentuk kaca mata yang bergaya, tetapi kini pelbagai bentuk, gaya dan warna ada di pasaran. Dengan terhasilnya pembaharuan ini, penampilan individu memakai kaca mata tidak lagi nampak bosan.

Bagi wanita, mungkin pemakaian kaca mata dianggap menghalang anda daripada menggayakan solekan khususnya di bahagian mata, tetapi hakikatnya ia boleh diubah.

ASAS SOLEKAN

Apabila memakai kaca mata, bahagian mata akan terhalang oleh cermin namun jika anda selesa, oleskan pembayang mata, 'eye liner' dan maskara dengan warna yang agak terang dan menarik untuk menaikkan kesan di bahagian itu.

Tapi perlu diingat, solekan nipis sudah memadai kerana ia akan membuatkan anda tidak selesa sekiranya solekan tebal dikenakan.



SEMBUNYI KELEMAHAN

Mata bengkok dan lingkaran gelap bawah mata selalu dihadapi sesiapa yang memakai kaca mata. Untuk menampakkan anda lebih segar, sapukan 'concealer' bertindak sebagai pemadam lingkaran gelap. Ia sekali gus menyerlahkan sinaran mata.

Jangan hanya tertumpu di bahagian mata, oleskan gincu warna terang jika anda berani dan warna lembut mengikut kesesuaian keadaan untuk tampilkan kelainan. Perlu diingat, jangan biarkan bibir pucat dan lesu sepanjang hari kerana ia akan menampakkan anda lebih skema.

LABUR UNTUK GAYA

Bagi lelaki, solekan adalah mustahil untuk dilakukan. Caranya mudah, untuk mengubah gaya, apa kata anda laburkan sedikit wang untuk membeli kaca mata dengan bentuk dan warna lain daripada kebiasaan.

Jika selesa, anda boleh menukar penampilan dengan mengenakan kanta lekap ke pejabat ataupun ke kuliah sekali sekala. Tidak salah melakukan pembaharuan jika anda berani.

Gabungan aksesori seperti topi ataupun 'baretta' boleh digabungkan untuk menampakkan jejak berkaca mata lebih tampan. Jika tidak mahu digelar skema, anda perlu berani mengubah stail sama seperti mereka yang tidak berkaca mata.



DI DALAM :
TEMPAHAN
DAN
CARIAN
**DAPATKAN
DI SINI!**

AUTO

Kereta
Trak
Bas

NOTIS

Laporan
Kewangan
Tender
Notis Am

KLASIFIKASI AM

Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
perabot

HARTANAH

Rumah
Kedai

KERJAYA

Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

KERAJAAN

Laporan
Kewangan
Tender
Notis Umum

**LELONGAN/
GUAMAN**

Hartanah
Lelongan
Guaman

